

NO. SOALAN: 46

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [ GERIK ]**  
**TARIKH : 31.10.2017 (SELASA)**

**Dato' Hasbullah Bin Osman [Gerik]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah sasaran pencapaian, pelan pelaksanaan dan matlamat Dasar Koperasi Negara 2011 sehingga 2020 memandangkan ia dilihat sebagai satu cabaran bagi memberi sumbangan signifikan kepada pembangunan negara.

97

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Dasar Koperasi Negara (DKN) 2011-2020 mensasarkan sumbangan perolehan sektor koperasi sebanyak **RM50 bilion menjelang tahun 2020**. Ia dilaksanakan melalui lima (5) Teras Strategik yang telah digariskan untuk membolehkan sektor koperasi menjadi penyumbang berkesan kepada pembangunan negara iaitu merangsang penglibatan koperasi dalam sektor ekonomi bernilai tinggi, memantapkan keupayaan dan kebolehan koperasi, mewujudkan dan meningkatkan keupayaan modal insan koperasi, meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap gerakan koperasi, dan memperkukuhkan koperasi melalui seliaan dan penguatkuasaan yang berkesan.

Sehingga 31 Disember 2016, sektor koperasi telah mencatatkan pencapaian perolehan sebanyak **RM39.66 bilion**, yang disumbangkan oleh sebanyak 13,428 koperasi dengan kekuatan anggota seramai 7.07 juta orang, modal syer berjumlah RM13.99 bilion dan aset bernilai RM130.74 bilion.